



19 Mac 2025  
19 March 2025  
P.U. (A) 83

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM  
(DEVELOPMENT BANK OF SARAWAK BERHAD)  
(PENGEQUALIAN) 2025

*ISLAMIC FINANCIAL SERVICES  
(DEVELOPMENT BANK OF SARAWAK BERHAD)  
(EXEMPTION) ORDER 2025*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

## PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (DEVELOPMENT BANK OF SARAWAK BERHAD) (PENGECCUALIAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 274 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Development Bank of Sarawak Berhad) (Pengecualian) 2025**.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “patuh Shariah” ertinya pematuhan kepada apa-apa keputusan Majlis Penasihat Shariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 51 Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*] berkenaan dengan apa-apa matlamat tertentu dan pengendalian, perniagaan, hal ehwal atau aktiviti dan apa-apa nasihat daripada penasihat Shariah atau jawatankuasa Shariah Development Bank of Sarawak Berhad mengikut prinsip Shariah dengan syarat bahawa nasihat yang diberikan itu tidak bercanggah dengan apa-apa keputusan Majlis Penasihat Shariah.

**Pengecualian**

3. Menteri mengecualikan Development Bank of Sarawak Berhad (Nombor Pendaftaran Syarikat: 201701016346 (1230511-W)), suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], daripada pemakaian perenggan 8(1)(a), dan subseksyen 149(1) dan 150(1) Akta bagi maksud menjalankan perniagaan perbankan Islam, menyetujui terima deposit Islam dan menerbitkan atau selainnya memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan iklan yang berhubungan dengan pembuatan apa-apa deposit Islam tertakluk kepada syarat pengecualian sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4.

**Syarat pengecualian**

4. Pengecualian di bawah perenggan 3 adalah tertakluk kepada syarat bahawa Development Bank of Sarawak Berhad hendaklah—

- (a) hanya menyetujui terima apa-apa deposit Islam daripada perbadanan yang dikawal oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, agensi Kerajaan Negeri Sarawak atau badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri Sarawak;
- (b) hanya menerbitkan atau selainnya memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan, iklan yang berhubungan dengan pembuatan apa-apa deposit Islam kepada perbadanan yang dikawal oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, agensi Kerajaan Negeri Sarawak atau badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri Sarawak;
- (c) hanya menyediakan kemudahan pembiayaan Islam kepada—
  - (i) agensi Kerajaan Negeri Sarawak, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri Sarawak;
  - (ii) perbadanan yang dikawal oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, agensi Kerajaan Negeri Sarawak atau badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri Sarawak; dan
  - (iii) entiti atau agensi yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Negeri Sarawak;
- (d) tidak terlibat dalam penyediaan kemudahan pembiayaan Islam kepada mana-mana individu atau mana-mana orang lain dalam sektor peruncitan selain orang yang dinyatakan dalam subsubperenggan (c);

- (e) dilarang daripada menyatakan kepada pelanggannya bahawa apa-apa deposit atau kemudahan pembiayaan yang ditawarkan adalah patuh Syariah melainkan jika Development Bank of Sarawak Berhad mendedahkan terlebih dahulu kepada pelanggannya bahawa apa-apa deposit dan kemudahan pembiayaan yang ditawarkan itu mematuhi prinsip Syariah termasuk cara pematuhan tersebut;
- (f) menyediakan suatu infrastruktur operasi dan pengaturan tadbir urus berhubung dengan apa-apa deposit Islam atau kemudahan pembiayaan Islam bagi memastikan pematuhan prinsip Syariah secara menyeluruh pada setiap masa, termasuk mekanisme pengurusan risiko Syariah dan pelantikan seorang penasihat Syariah atau penubuhan suatu jawatankuasa Syariah yang selaras dengan aktiviti perniagaannya;
- (g) mematuhi semua kehendak dan sekatan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank berhubung dengan penyetujuteraan apa-apa deposit Islam atau penerbitan apa-apa iklan yang berhubungan dengan pembuatan apa-apa deposit Islam atau menyediakan kemudahan pembiayaan Islam, termasuk mengambil apa-apa langkah untuk membetulkan hal keadaan jika, pada bila-bila masa, Bank berpendapat bahawa Development Bank of Sarawak Berhad—
- (i) telah menyetujui terima apa-apa deposit Islam, menerbitkan apa-apa iklan yang berhubungan dengan pembuatan apa-apa deposit Islam atau menyediakan apa-apa kemudahan pembiayaan Islam dengan cara yang memudaratkan kepentingan pendeposit, peminjam atau orang awam atau bertentangan dengan prinsip Syariah; atau
- (ii) telah menerbitkan apa-apa iklan yang berhubungan dengan pembuatan apa-apa deposit Islam yang mengelirukan atau memperdayakan, atau yang mungkin mengelirukan atau memperdayakan;

- (h) mengemukakan suatu pengesahan bertulis kepada Bank pada setiap tahun, mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, bahawa Development Bank of Sarawak Berhad hanya—
- (i) menyetuju terima apa-apa deposit Islam daripada perbadanan yang dikawal oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, agensi Kerajaan Negeri Sarawak atau badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri Sarawak;
- (ii) menyediakan kemudahan pembiayaan Islam kepada—
- (A) agensi Kerajaan Negeri Sarawak, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri Sarawak;
- (B) perbadanan yang dikawal oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, agensi Kerajaan Negeri Sarawak atau badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri Sarawak; dan
- (C) entiti atau agensi yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Negeri Sarawak; dan
- (iii) menjalankan aktiviti perniagaan sebagaimana yang dinyatakan dalam subsubperenggan (a), (b) dan (c) dengan cara patuh Shariah;
- (i) mengemukakan kepada Bank suatu laporan audit yang disahkan oleh seorang juruaudit luar yang dilantik oleh Development Bank of Sarawak Berhad pada setiap tahun mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bank bagi memastikan bahawa Development Bank of Sarawak Berhad telah mematuhi syarat di bawah Perintah ini; dan

- (j) mengemukakan kunci kira-kiranya secara bertulis kepada Bank pada setiap tahun mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.

Dibuat 11 Mac 2025

[BNM/JUN/1119/40/65[KK/SID(S)/437/112012 JLD.5 (S.K.3)]; PN(PU2)717/JLD.5]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN  
*Menteri Kewangan II*

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013

ISLAMIC FINANCIAL SERVICES (DEVELOPMENT BANK OF SARAWAK BERHAD)  
(EXEMPTION) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by section 274 of the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*], the Minister, on the recommendation of the Bank, makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Islamic Financial Services (Development Bank of Sarawak Berhad) (Exemption) Order 2025**.

**Interpretation**

2. In this Order, unless the context otherwise requires, “Shariah compliant” means compliance with any ruling of the Shariah Advisory Council established under section 51 of the Central Bank of Malaysia Act 2009 [*Act 701*] in respect of any particular aim and operation, business, affairs or activity and any advice from the Shariah adviser or Shariah committee of the Development Bank of Sarawak Berhad in accordance with Shariah principles provided that such advice given does not conflict with any ruling by the Shariah Advisory Council.

**Exemption**

3. The Minister exempts Development Bank of Sarawak Berhad (Company Registration Number: 201701016346 (1230511-W)), a company incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*], from the application of paragraph 8(1)(a), and subsections 149(1) and 150(1) of the Act for the purpose of carrying on Islamic banking business, accepting Islamic deposits and issuing or otherwise facilitating any person to issue an advertisement relating to the making of any Islamic deposit subject to conditions of exemption as specified in paragraph 4.

**Conditions of exemption**

4. The exemption under paragraph 3 is subject to the conditions that the Development Bank of Sarawak Berhad shall—

- (a)* only accept any Islamic deposit from corporations controlled by the Sarawak State Financial Secretary, agencies of the State Government of Sarawak or statutory bodies established under the State laws of Sarawak;
- (b)* only issue or otherwise facilitate any person to issue, advertisements relating to the making of any Islamic deposit to corporations controlled by the Sarawak State Financial Secretary, agencies of the State Government of Sarawak or statutory bodies established under the State laws of Sarawak;
- (c)* only provide Islamic financing facilities to—
  - (i)* agencies of the State Government of Sarawak, local authorities or statutory bodies established under the State laws of Sarawak;
  - (ii)* corporations controlled by the Sarawak State Financial Secretary, agencies of the State Government of Sarawak or statutory bodies established under the State laws of Sarawak; and
  - (iii)* entities or agencies allowed by the Minister for Finance and New Economy of the State of Sarawak;
- (d)* not engage in the provision of Islamic financing facility to any individual or any other person in the retail sector other than persons specified in subsubparagraph *(c)*;
- (e)* be prohibited from stating to its customers that any deposit or financing facility offered is Shariah compliant unless the Development Bank of Sarawak Berhad has first disclosed to its

customers that such deposits and financing facilities offered comply with Shariah principles including the manner of the compliance;

- (f) provide for an operational infrastructure and governance arrangements in relation to any Islamic deposit or Islamic financing facility to ensure the comprehensive compliance with Shariah principles at all times, including a Shariah risk management mechanism and the appointment of a Shariah adviser or the establishment of a Shariah committee consistent with its business activities;
- (g) comply with all the requirements and restrictions as determined by the Bank in relation to the acceptance of any Islamic deposit or the issuance of any advertisement relating to the making of any Islamic deposit or the provision of Islamic financing facilities, including taking such steps to remedy the situation if, at any time, the Bank is of the opinion that the Development Bank of Sarawak Berhad—

  - (i) has accepted any Islamic deposit, issued any advertisement relating to the making of any Islamic deposit or provided any Islamic financing facility in a manner that is detrimental to the interests of the depositor, borrower or the public or contrary to Shariah principles; or
  - (ii) has issued any advertisement relating to the making of any Islamic deposit which is misleading or deceptive, or is likely to be misleading or deceptive;
- (h) submit a written confirmation to the Bank on an annual basis, in the manner as may be determined by the Bank, that the Development Bank of Sarawak Berhad only—

  - (i) accept such Islamic deposits from corporations controlled by the Sarawak State Financial Secretary, agencies of the State

Government of Sarawak or statutory bodies established under the State laws of Sarawak;

(ii) provide Islamic financing facilities to—

(A) agencies of the State Government of Sarawak, local authorities or statutory bodies established under the State laws of Sarawak;

(B) corporations controlled by the Sarawak State Financial Secretary, agencies of the State Government of Sarawak or statutory bodies established under the State laws of Sarawak; and

(C) entities or agencies allowed by the Minister for Finance and New Economy of the State of Sarawak; and

(iii) been carrying on business activities as specified in subsubparagraphs (a), (b) and (c) in a Shariah compliant manner;

(i) submit to the Bank an audit report certified by an external auditor appointed by the Development Bank of Sarawak Berhad on an annual basis in the manner as may be determined by the Bank to ensure that the Development Bank of Sarawak Berhad has complied with the conditions under this Order; and

(j) submit its balance sheet in writing to the Bank on an annual basis in accordance with the manner as may be determined by the Bank.

Made 11 March 2025

[BNM/JUN/1119/40/65[KK/SID(S)/437/112012 JLD.5 (S.K.3)]; PN(PU2)717/JLD.5]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN  
*Finance Minister II*